

SUK.D200(06)600/9/Jld 18 (26)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2024

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2024

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai **Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah serta lantikan politik dan turut dipanjangkan kepada pegawai lantikan MySTEP** sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2024.

2. LATAR BELAKANG

Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 6/2024 yang bersidang pada 3 April 2024 telah bersetuju memberi **Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan dan lantikan politik Pentadbiran Awam Negeri Kelantan termasuklah Ahli Majlis, penghulu, pegawai dan kakitangan Halaqat, Penyelaras ICT Dun, Penyelaras Pembangunan Armalah DUN, Guru Pondok di Negeri Kelantan serta Penyelia dan Petugas Pertubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 ini juga turut dipanjangkan kepada Guru Al-Quran dan Guru Fardu Ain serta Guru (Mударibbah) Pusat Pembangunan Wanita.

3. PEGAWAI YANG LAYAK

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 termasuklah;
 - a. pegawai lantikan tetap, sementara, *Contract Of Service (COS)*, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), *Contract For Service (CFS)*, berelaun dan sambilan;

- b. pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- c. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- d. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- e. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKKA Tahun 2024 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

3.2 Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 di Jabatan Negeri yang mengisi waran perjawatan Negeri;

3.3 BKKA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada Personel MySTEP yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 dan telah dilantik sebelum 5 April 2024;

3.4 Pegawai lantikan politik adalah termasuk:

- a. Ahli- Ahli Majlis;
- b. Penghulu (Mukim dan Tanpa Mukim Parlimen/Dun);
- c. Halaqat (Ketua Pengelola, Timbalan Ketua Pengelola I & II)
- d. Pembantu Halaqat;
- e. Guru Al-Quran dan Guru Fardu Ain;
- f. Guru Pondok - Mudir;
- g. Guru Pondok – Penolong Mudir;
- h. Penyelaras ICT Dun;
- i. Penyelaras Pembangunan Armalah DUN;
- j. Guru Pondok;
- k. Guru Jahitan (Mударibbah) Pusat Pembangunan Wanita; dan
- l. Penyelia dan Petugas Pertubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- m. Guru Sukarelawan Pra Sekolah

- 3.5 Pesara Perkhidmatan Awam Negeri dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, *Contract Of Service (COS)*, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), *Contract For Service (CFS)*, berelaun dan sambilan dan masih berkhidmat pada 5 April 2024 layak dibayar sebanyak RM500 oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
- 3.6 Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 5 April 2024 layak diberi BKKA Tahun 2024 sebanyak RM500.00.

4. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

- 4.1 Pembayaran ini tidak layak diberikan kepada;
- (i) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memegang, diluluskan Elaun Tidak Berpencen (ETB), dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
 - (ii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024;
 - (iii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024;
 - (iv) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 5 April 2024; dan
 - (v) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).
- 4.2 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditangguhkan

pemberian BKKA Tahun 2024 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKKA Tahun 2024 setelah dibebaskan daripada pertuduhan tata tertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan.

5. PELAKSANAAN PEMBAYARAN

Pegawai yang layak sebagaimana di perenggan 3 akan dibayar mengikut kadar sebagaimana berikut:-

BIL	KATEGORI PEGAWAI	JUMLAH (RM)
1.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 adalah merupakan: a. pegawai lantikan tetap, sementara, <i>Contract Of Service (COS)</i>, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), <i>Contract For Service (CFS)</i> dan sambilan; b. pegawai yang bercuti bergaji penuh; c. pegawai yang bercuti separuh gaji; d. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan e. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bayaran tersebut akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.	500.00
2.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 di Jabatan Negeri yang mengisi waran perjawatan Negeri.	500.00

3.	Pegawai lantikan MySTEP yang masih berkhidmat pada 5 April 2024 dan telah dilantik sebelum 5 April 2024.	500.00
4.	Pegawai Lantikan Politik termasuk: a. Ahli- Ahli Majlis; b. Penghulu (Mukim Dan Tanpa Mukim Parlimen/DUN) c. Halaqat (Ketua Pengelola, Timbalan I &II) d. Pembantu Halaqat); e. Guru Al-Quran dan Guru Fardu Ain; f. Guru Pondok – Mudir g. Guru Pondok – Penolong Mudir h. Penyelaras ICT DUN; i. Penyelaras Pembangunan Armalah DUN; dan j. Guru Pondok k. Guru Jahitan ((Mudaribbah) Pusat Pembangunan Wanita l. Penyelia dan Petugas Pertubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) m. Guru Sukarelawan Pra Sekolah	250.00
5.	Pesara Perkhidmatan Awam Negeri dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, <i>Contract Of Service (COS)</i> , Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), <i>Contract For Service (CFS)</i> , berelaun dan sambilan dan masih berkhidmat pada 5 April 2024 layak dibayar sebanyak RM500 oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.	500.00
6.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 5 April 2024.	500.00

6. TARIKH PEMBAYARAN

BKKA Tahun 2024 akan dibayar mulai pada **5 April 2024** dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

7. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini **berkuatkuasa dengan serta merta**.

8. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”



HAJI AB.PATTAH BIN HASBULLAH

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 28 Ramadan 1445H
8 April 2024

SENARAI EDARAN :

- Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan